

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.11.2014**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sistem penapisan yang baik dan tepat untuk memilih pegawai yang berkedudukan tinggi, terutamanya dalam golongan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) supaya mereka yang bakal dipilih itu dapat menguruskan syarikat-syarikat Kerajaan dengan baik dan berintegriti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam syarikat Kerajaan yang dimiliki secara majoriti oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) akan melalui proses penapisan termasuk pencalonan dan penilaian di peringkat Lembaga Pengarah sebelum dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Pemegang Saham.

Untuk makluman Yang di-Pertua, antara kriteria yang diberikan keutamaan dalam proses penilaian dan pemilihan CEO adalah seperti berikut:

- i. Memiliki sekurang-kurangnya kelulusan ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan;
- ii. Menguasai kepakaran khusus atau kemahiran industri berkaitan operasi teras syarikat;
- iii. Berpengalaman memegang jawatan tinggi atau penting dalam syarikat;
- iv. Berkarisma dan menunjukkan daya kepimpinan serta sikap bertanggung jawab yang tinggi untuk menerajui syarikat;
- v. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia bagi

memastikan tahap integriti yang tinggi; dan

vi. Mempunyai personaliti menarik dengan latar belakang kerjaya yang bersih dan cemerlang.